

Ilmu kebatinan jadi 'gula2' untuk pikat muda-mudi

Ajaran sesat bertopeng silat

DONCAI - SILAT.

BEBERAPA kumpulan yang dikatakan menyibarkan ajaran songsang telah menggunakan silat kebatinan sebagai 'gula-gula' untuk menarik pemuda-pemudi.

Sekurang-kurangnya 10 buah kumpulan tidak berdaftar dipercayai bergerak dengan pengajur-penganjurnya bertopeng sebagai guru silat yang mempunyai kuasa luar biasa. **26 MAY 1985**

Bagaimanapun, pergerakan kumpulan-kumpulan yang mempunyai antara 20 hingga 50 orang anggota itu diketahui oleh badan induk silat, (Persekutuan Silat Singapura (Persisi)).

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, berkata bahawa kumpulan-kumpulan tersebut pernah dipelawa untuk menjadi kerabat persatuan, tetapi tidak satu pun yang bersedia.

Kekuatan

Berita Minggu

Pelawaan itu dibuat, beliau menjelaskan, kerana Persisi ingin melihat semua kumpulan silat di sini menjalankan kegiatan yang sihat.

Beliau menyatakan bahawa Persisi ditubuhkan dengan tujuan menggalakkan silat sebagai satu seni, bidang beladiri dan olahraga.

Encik Johari, bagaimanapun, menegaskan bahawa tidak semua kumpulan silat yang mengajar ilmu kebatinan ini meyeleweng perjalannya kerana terdapat kumpulan silat yang mengajar ilmu kebatinan selaras

dengan apa yang dibenarkan oleh agama.

Menurut beliau, kumpulan-kumpulan yang meyeleweng itu selalunya mengajar pengikutnya bermacam jenis zikir, puasa dan sembahyang semata-mata untuk mendapatkan apa yang mereka dakwa sebagai kekuatan batin.

"Memandangkan bahawa zikir, puasa dan sembahyang itu bukan dilakukan dengan tujuan beribadat tetapi untuk mendapatkan kekuatan batin, tentulah ajaran-ajaran tersebut meragukan," kata beliau.

Sementara itu, Encik Johari memberitahu bahawa Persisi sedang bekerjasama dengan Persatuan Rakyat (PA) dalam usaha menubuhkan kelab-kelab silat dalam semua kawasanundi.

Rundingan pertama antara kedua-dua pihak bagi membincangkan penubuhan kelab-kelab tersebut telah pun diadakan baru-baru ini, tetapi butir lanjut berhubung dengan pelaksanaannya belum lagi ditetapkan.

Diwajibkan

Dengan terbentuknya kelab-kelab silat di peringkat kawasanundi itu, Persisi berharap dapat membantu belia-belia yang ingin mempelajari silat, mendapatkan pengajaran yang betul dan tidak meyeleweng, tegasnya.

Beliau juga menyeru para belia yang hendak belajar silat agar menghubungi Persisi untuk mendapatkan nasihat tentang

mana-mana perguruan yang menganjurkan kursus-kursus silat dengan cara yang sihat.

Pada masa ini, ada 14 perguruan silat yang menjadi anggota Persisi. **26 MAY 1985**

Sementara itu, Encik Francis Yeow, Penolong Pengawal Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, menyatakan bahawa setakat ini belum seorang pun didakwa di bawah Akta Seni Mempertahankan Diri (1974). **Berita Minggu**

Beliau meninggalkan setiap kumpulan seni mempertahankan diri, ahli-ahlinya dan mereka yang hendak menjadi guru bagi satu-satu seni mempertahankan diri, diwajibkan mendaftar kepada Unit Seni Mempertahankan Diri (Macu).